


# H I J R A H

Satu hari pada tahun 622SM, iaitu kira-kira lebih kurang 12 tahun selepas berdakwah di Makkah, Rasulullah SAW diberitahu kaum kafir Makkah merancang membunuh baginda untuk memusnahkan Islam. Rasulullah menunggu perintah daripada Allah SWT. Malaikat Jibrail (as) menemui baginda untuk memberitahunya, Allah SWT memerintah baginda supaya meninggalkan Madinah pada waktu malam.

Berikutan itu, baginda menemui sahabat baiknya Abu Bakar as-Siddiq (ra) dan memintanya supaya menemani baginda dalam perjalanan itu.

Bertitik tolak dari itu, Rasulullah (SAW) mula membina sebuah negara Islam yang megah. Baginda memupukkan persaudaraan di kalangan umat Muslim dan menyeru mereka supaya menegakkan yang hak dan mengikut segala perintah Allah SWT.

Kesan daripada penghijrahan Rasulullah (SAW) dari Makkah ke Madinah adalah satu catatan penting sehingga umat Islam menjadikan peristiwa bersejarah ini sebagai permulaan kalendar Islam.




# الهُدَى

AL-HUDA

Buletin JMNPP

Bil 2/2006

Naskah Percuma



## **Fatwa:**

Pengharaman Buku Karangan Kasim Ahmad

## **Matahari:**

Nikmat Yang Perlu Disyukuri

## **Tokoh:**

Tuan Guru Haji Mohammed Salleh Al-Masry



3	<b>Perutusan Mufti</b>
4	<b>Fatwa</b> <i>Pengharaman Buku : "Dilema Umat Islam-Antara Hadis Dan Al-Quran"</i> <i>Karangan Kassim Ahmad Keluaran Forum Iqra'</i>
5	<b>Berita Bergambar 2006</b> <i>Julai</i>
6	<i>Ogos</i>
7	<i>September</i>
8	<i>Oktober</i>
9	<i>November</i>
9	<i>Disember</i>
10	<b>Aktiviti Bergambar</b>
12	<b>Artikel Timbalan Mufti</b> <i>Sikap Alpa Umat Islam Penyebab Kepada Permasalahan Hidup</i>
14	<b>Kenali Tokoh</b> <i>Tuan Guru Haji Mohammed Salleh Al-Masry Pengasas Madrasah Al-Masyriyah, Bukit Mertajam</i>
15	<b>Artikel Falak</b> <i>Matahari: Nikmat Yang Perlu Disyukuri</i>
18	<b>Kaedah Fiqh</b> <i>Mendahulukan Orang Lain Dalam Masalah Ibadah Adalah Makruh, sedangkan dalam hal lain dianjurkan</i>
19	<b>Kemusykilan Agama</b>
20	<b>Sirah Hijrah</b>

## Dari Meja Ketua Pengarang

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi atas kesempatan yang diberikan kepada sidang redaksi untuk terus menerbitkan buletin Al-Huda pada kali ini. Untuk makluman sidang pembaca yang budiman sekalian, penerbitan buletin Al-Huda ini adalah sebagai salah satu usaha jabatan ini untuk menyebarkan dan menyampaikan maklumat-maklumat atau aktiviti yang telah dan akan dijalankan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dari masa kesemasa.



Sebagai pembuka bicara pada edisi kali ini, saya ingin membawa fikiran para pembaca kepada bulan ramadhan yang lalu dimana seluruh umat Islam telah pun menempuh dan meninggalkannya. Di dalam bulan yang penuh kemuliaan ini, telah difardhukan kepada setiap mukmin yang mukallaf menunaikan ibadah puasa. Persoalan yang timbul disini sejauhmana ibadah puasa yang ditempuhi selama sebulan ini dapat membina peribadi insan yang cemerlang. Selain itu, apakah amalan puasa-puasa sunat dapat dilakukan pada bulan-bulan yang lain sebagai ibadah?. Secara asasnya, ibadah puasa merupakan amalan yang disukai para sahabat Nabi s.a.w dan para ulama. Dimana ibadah ini mempunyai seribu satu kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Namun begitu, ramai yang sering lupa tentang perkara sedemikian. Justeru itu, marilah kita bersama-sama mengamalkan ibadah berpuasa sunat di bulan-bulan lain, mudah-mudahan dengan amalan ini dapat mendekatkan diri kepada Rabul-Jalil yang maha mengasihani dan menyayangi hamba-hambanya. Selain itu, kita juga dituntut untuk melakukan ibadah korban. Oleh yang demikian, sempena kita menyambut Aidul Adha 1427H, sewajarnya kita harus menginsafi serta menghayati konsep ibadah korban sepertimana yang telah digariskan oleh syariat.

Akhir kalam, ucapan terima kasih kepada semua sidang redaksi yang terlibat dalam penerbitan buletin pada kali ini. Mudah-mudahan usaha yang kecil ini dihargai serta mendapat keredhaan dari Allah s.w.t.

**PENAUNG**  
Sahibul Samahah Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad

**PENASIHAT**  
Sahibul Fadhlil Tn. Haji Ghazali Bin Haji Saad

**KETUA PENGARANG**  
Tn. Haji Yusuff Bin Ahmad

**PENYELARAS**  
Us. Hardi Bin Mohamad Sadali

**SIDANG PENGARANG**  
Us. Rizuan Bin Idrus  
Us. Shukri Bin Hashim  
Us. Anuar Bin Ariffin  
Ustazah Musyriyah Binti Sikkeli  
Pn. Zaiton Binti Makkhan Din  
Pn. Zarina Binti Mustapa  
Us. Abdul Jalil Bin Yahya

**EDITOR**  
Us. Mohd Jais Anuar Bin Ahmad  
Ustazah Azwati Bint Zainol Abidin

**TERBITAN**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 45, KOMTAR  
10000 Pulau Pinang  
Tel : 04 - 263 2975 / 263 0634  
<http://mufti.penang.gov.my>

**REKABENTUK & CETAKAN**  
Think Future Services  
NO. 234, Jalan 4/11A, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

*Cawangan* : No. 85, Taman Setia Jaya, Jalan Changloon, 06000 Jitra Kedah.

## Kemusykilan Agama

### Soalan 1:

Azan Dua Kali bagi solat Jumaat & khatib memegang tongkat dan memakai tudung kepala semasa membaca khutbah

- Adakah terdapat di dalam hukum syara' azan yang dilakukan 2 kali bagi solat Jumaat?
- Adakah khatib yang berkhutbah, diwajibkan memakai tongkat?
- Adakah disunatkan memakai tudung kepala semasa khatib membaca khutbah?

### Jawapan:

- Ada nas-nas yang mengatakan dibolehkan azan dua kali pada solat Jumaat. Diantaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dalam Sahih Tarmizi juzuk 4 m/s 201, mengikut Sabda Nabi S.A.W:

"bermaksud : lazim di atasmu dengan sunnahKu dan sunnah-sunnah khalifah yang dipimpin kemudian daripada Aku."

Dan

Bermaksud : Sahabat-sahabatKu adalah seperti bintang, yang mana diantara mereka itu dijadikan ikutan, ikutilah mereka supaya kamu mendapat pertunjuk

Dan

Bermaksud : Aku dengar Saib b. Yazid berkata, bahawasanya azan pada hari Jumaat mula-mulanya pada ketika duduk Imam di atas mimbar di zaman Rasulullah S.A.W, Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar. Manakala Saidina Osman menjadi khalifah dan manusia bertambah ramai maka Saidina Osman menyuruh azan yang ketiga pada hari Jumaat. Maka Azan itu dilakukan itu, di atas satu tempat maka kekallah perbuatan yang kedua pada hari Jumaat sehingga pada hari ini sepertimana yang dilakukan di zaman Saidina Osman.

- Menurut keterangan yang diberi di dalam kitab fiqh ala al-mazahab arbaah juzu' awal m/s 394-395 keterangan adalah seperti berikut:

Bermaksud : Disunatkan khatib semasa membaca khutbah memegang pedang, kayu atau tongkat dengan tangan kirinya.

Diriwayatkan oleh Abu Daud berkata Rasulullah S.A.W ketika berdiri membaca khutbah Jumaat memegang tongkat atau pedang atau busur anak panah.

- Memakai tudung Kepala semasa khatib membaca khutbah disentuh di dalam kitab NihayatuzZain m/s 143:

Maksudnya: Disunatkan Imam untuk menambahkan keelokkan dan kehebatan bagi menarik pandangan para jemaah dengan memakai serban atau tudung kepala.

Maksud yang kedua: Rasulullah S.A.W memakai tudung di kepala semasa membaca khutbah. Panjang kain tudungnya ialah 6 hasta dan lebarnya 3 hasta yang diletakan di atas kepalanya dan menutupi kedua-dua bahunya dan belakangNYA sepertimana yang diterangkan oleh Imam Sayuti.

### Soalan 2:

- Adakah boleh khutbah yang pertama dibaca oleh si A, manakala khutbah yang kedua dibaca pula oleh orang lain?
- Jika khatib tidak dapat meneruskan khutbahnya oleh sebab-sebab seperti pitam atau batal wudhuknya atau lainnya, bagaimanakah aturan menggantikannya? Bolehkah disambung oleh penggantinya pada tempat yang ia terhenti?

### Jawapan:

- Boleh, Jika tidak panjang penceraihan / pemisahan di antara dua khutbah.
- Jikalau khatib terbatal wudhuknya, boleh disambung olehnya selepas ia mengambil wudhuk, dan jika khatib itu pitam, hendaklah dibuat semula khutbah itu olehnya atau penggantinya

### Soalan 3:

Hukum meletakkan Al-Quran Besar di hadapan Imam ketika sedang bersolat.

### Jawapan:

Merujuk kepada keputusan fatwa Negeri Pulau Pinang telah diputuskan bahawa harus hukumnya membaca surah-surah dari ayat al-Quran dengan memandang dan melihat al-Quran itu sendiri. [lihat Himpunan Fatwa Negeri Pulau Pinang 1961 - 1989]

Kitab Fatawa al-Lujnah ad-daimah lil Buhus al-Ilmiah wal-Ifta' Jilid ke-6 [as-Solah 1 (m/s 396) ] juga menyatakan bahawa harus membaca al-Quran di dalam solat pada bulan Ramadhan dan selain Ramadhan samada solat fardhu atau sunat yang dibolehkan nyaring padanya jika ianya diperlukan.

### Soalan 4:

Jual beli barang perhiasan (sketsel) yang mengandungi ayat al-Quran

### Jawapan:

Barang perhiasan yang mengandungi ayat al-Quran, ianya boleh dijual oleh peniaga yang beragama Islam kepada orang Islam. Dilarang urusniaga oleh orang yang bukan Islam. Bagi tulisan khat yang berbentuk manusia pula, adalah dilarang kerana ianya berbentuk seumpama patung.

الا يثار بالقرب مكروه وفي غيرها محبوب

### Mendahulukan Orang Lain Dalam Masalah Ibadah Adalah Makruh, sedangkan dalam hal lain dianjurkan

Oleh :Us. Hardi Bin Mohammad Sadali

**M**endahulukan orang lain dalam masalah ibadah adalah makruh, sedangkan dalam hal lain dianjurkan.

Kaedah ini diambil berasaskan kepada firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hasyr ayat 9 yang bermaksud:

“Dan mereka mengutamakan (orang muhajirin) atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka memerlukan (apa yang mereka berikan itu)”

Sheikh Izzuddin mengatakan tidak ada tindakan mendahulukan orang lain dalam ibadah atau pendekatan diri



Gambar Hiasan

kepada Allah s.w.t. Oleh kerana itu, tidak ada tindakan mendahulukan orang lain dalam hal air wudhuk, menutup aurat ataupun saf yang pertama. Mendahulukan orang lain dalam hal mengagungkan Allah s.w.t. adalah sama ertinya dengan meninggalkannya.

Imam Haramain berkata bahawa jika waktu solat telah masuk dan seseorang mempunyai air untuk berwudhuk, tetapi memberikannya kepada orang lain agar orang itu berwudhuk dengan air tersebut, maka hal itu tidak dibolehkan. Beliau tidak melihat adanya perselisihan pendapat tentang hal ini, sebab mendahulukan orang lain hanya berlaku berkaitan dengan jiwa, bukan ibadah atau pendekatan diri kepada Allah s.w.t. Hal itu dimantapkan lagi oleh Imam al-Nawawi di dalam Syarh al-Muhazzab, beliau berkata mendahulukan orang lain hanya dianjurkan dalam hal hak-hak jiwa dan hal-hal keduniaan.

Jika orang yang memerlukan makanan hendak memberikan makanan tersebut kepada orang lain, maka tidak mengapa demi menolong nyawa orang lain itu, meskipun dia sendiri khawatir nyawanya akan terjejas. Bezanya, hak dalam bersuci (thaharah) adalah milik Allah s.w.t. sehingga tidak diperbolehkan mendahulukan orang lain, sedangkan hak dalam hal keperluan peribadi ada padanya. Dalam hal ini, diketahui bahawa ada dua nyawa yang berada dalam bahaya, kecuali satu yang ditolong dengan makanan itu, sehingga alangkah baiknya jika makanan itu diberikan kepada orang lain.

Di dalam al-Jami', al-Khatib berkata bahawa sejumlah ulama' memakruhkan mendahulukan orang lain dalam hal belajar di depan seorang guru, meskipun sebenarnya gilirannya sendiri. Ini kerana menuntut ilmu atau bergagas mendapatkannya adalah ibadah, padahal mendahulukan orang lain dalam hal ibadah adalah makruh, malah Imam al-Suyuthi menghukumkannya haram.



Gambar Hiasan

Salah satu masalah kaedah ini ialah orang yang datang memasuki masjid untuk solat berjama'ah, tetapi tidak menemui tempat kosong di saf yang pertama, sedangkan dia berseorang diri, maka dia boleh menarik seseorang yang berada di saf pertama untuk bersolat disebelahnya setelah melakukan takbiratul ihram. Dan yang ditarik disunatkan membantunya. Orang yang ditarik ini jelas kehilangan kelebihan yang ada pada dirinya, iaitu pahala saf pertama.

\* berpandukan kitab al-Asybah wa al-Nazhoir fi Qawa'id al-Fiqhiyyah karangan Imam Jalaluddin Abdul Rahman al-Suyuthi.

Imam al-Nawawi di dalam Syarh al-Muhazzab, beliau berkata mendahulukan orang lain hanya dianjurkan dalam hal hak-hak jiwa dan hal-hal keduniaan.



“Di dalam keasyikan kita menikmati nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t di muka bumi, seharusnya kita tidak sepatutnya alpa dan leka dengan apa yang telah dikurniakan. Tambahan pula, pelbagai nikmat yang dikecapi selama ini telah membawa banyak perubahan dan kemajuan kepada Agama, Bangsa dan Negara.”

SAHIBUS SAMAAH AH DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah s.w.t, Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas junjungan kita, Nabi Muhammad s.a.w. Pertamanya, saya bersyukur kerana masih diberi peluang serta ruang kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang untuk terus menerbitkan Buletin al-Huda pada kali ini. Penerbitan ini adalah sebahagian tanggungjawab agensi ini serta agensi-agensi agama Islam yang lain untuk terus memacu pembangunan dan keagungan Islam menerusi penerbitan serta penyampaian maklumat-maklumat secara berterusan dan bersistematik.

Di dalam keasyikan kita menikmati nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t di muka bumi, seharusnya kita tidak sepatutnya alpa dan leka dengan apa yang telah dikurniakan. Tambahan pula, pelbagai nikmat yang dikecapi selama ini telah membawa banyak perubahan dan kemajuan kepada Agama, Bangsa dan Negara. Oleh yang demikian, Allah s.w.t telah menegaskan di dalam firman-Nya:

“Sekiranya Kamu Bersyukur (Atas Nikmat-Nikmatku) Nescaya Aku Gandakan Nikmat-Nikmatku, Sebaliknya Sekiranya Kamu Tidak Bersyukur Akan Nikmatku, Sesungguhnya Balasanku Amat Pedih”.

Sebagai seorang hamba-NYA yang bersyukur, kita telah diajar dan dididik untuk taat di atas segala titah perintah disamping meninggalkan segala bentuk perkara yang dilarang

Penerbitan ini adalah sebahagian tanggungjawab agensi ini serta agensi-agensi agama Islam yang lain untuk terus memacu pembangunan dan keagungan Islam menerusi penerbitan serta penyampaian maklumat-maklumat secara berterusan dan bersistematik.

oleh Allah s.w.t. Sehubungan dengan itu, penyariatan beberapa ibadah di dalam agama Islam secara tidak langsung adalah bagi menguji serta menilai tahap kesyukuran kita kepada-Nya. Antara ibadah yang telah disariatkan adalah seperti ibadah korban yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Penyariatan ibadah ini, mengingatkan kita mengenai peristiwa yang telah berlaku ke atas Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Ismail a.s, yang menunjukkan bagaimana ketaatan baginda kepada Allah s.w.t mengatasi segala-gala perkara. Sifat ini, menggambarkan ciri-ciri orang bersyukur sepertimana yang disarankan oleh agama Islam sebelum ini. Sewajarnya, kita perlu mengambil iktibar dan pengajaran melalui peristiwa-peristiwa yang lampau

untuk meningkatkan ketaqwaan kita, disamping sentiasa bersyukur dengan apa-apa yang dikurniakan.

Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 152 yang bermaksud:

“Oleh itu ingatlah kepada-Ku, nescaya Aku ingati kepada kamu dan bersyukur kepada-Ku dan janganlah kamu kufur terhadap-Ku”

Sesungguhnya amalan bersyukur kepada Allah s.w.t boleh dilakukan dengan pelbagai cara dan kaedah, samada melalui lisan, hati atau perbuatan, dengan lisan umpamanya bertahmid dengan memuji Allah s.w.t seperti mengucapkan Subhanallah, Alhamdulillah dan Allahu Akbar atau dengan hati iaitu sentiasa bersangka baik terhadap Allah s.w.t. Akhir kalam, saya ingin merakam setinggi penghargaan buat sidang redaksi atas penerbitan buletin ini dan juga sidang pembaca yang budiman sekalian di atas sokongan yang diberikan kepada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang selama ini. Sekian wasallam.


“Oleh itu ingatlah kepadaKu, nescaya Aku ingati kepada kamu dan bersyukur kepadaKu dan janganlah kamu kufur terhadapKu”  
Al-Baqarah : 152

PENGHARAMAN BUKU

**“Dilema Umat Islam-Antara Hadis Dan Al-Quran”**

Karangan Kassim Ahmad Keluaran Forum Iqra’  
Kelolaan : Us. Shukri Bin Hashim

1. Bahawa isi kandungan Buku “Dilema Umat Islam-Antara Hadis dan Al-Quran” Karangan Kassim Ahmad Keluaran Forum Iqra’ adalah diharamkan di Negeri Pulau Pinang.
2. Fahaman dan amalan ini, perlu disekat keseluruhannya dari berkembang di Negeri Pulau Pinang kerana percanggahan yang terdapat di dalam buku tersebut meliputi keterangan-keterangan dalam isi kandungannya yang mana antara lain seperti berikut:
  - 2.1 Fahaman bahawa hadith yang mentafsir Al-Quran adalah meragukan. Ini menyebabkan penafsiran ayat Al-Quran menjadi kabur.
  - 2.2 Menolak hadith yang mengiktiraf golongan para ulama sebagai pewaris para Nabi.
  - 2.3 Mempertikaikan hukuman bunuh terhadap golongan murtad, manakala hukuman rejam sampai mati dikatakan berasal dari ajaran kitab taurat.
  - 2.4 Kesalahan dalam mentafsirkan serta menghuraikan ayat-ayat Al-Quran.
  - 2.5 Salah di dalam memahami serta menghuraikan maksud sebenar sesuatu hadith.
  - 2.6 Mendakwa kisah Nabi Isa a.s diangkat ke langit serta penurunan di akhir zaman berasal daripada ajaran kitab Injil.
  - 2.7 Mendakwa bahawa pensyariatian solat lima waktu sehari semalam di malam Isra’ Mikraj bersalahan dengan ajaran Al-Quran dan fakta sejarah.



3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang berpegang kepada fahaman dan amalan kandungan tersebut adalah dilarang sama sekali kerana ia bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah yang meliputi:
  - a. Mengajar, mengamal, dan menyebarkan fahaman dan amalan kandungan buku tersebut.
  - b. Menerbitkan apa-apa bentuk, versi, atau variasinya atau apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa atau apa-apa bahan publisiti atau apa-apa bahan sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media atau apa-apa kaedah yang boleh membawa kepada penyebaran fahaman dan amalan tersebut.

Buku  
“Dilema Umat Islam-Antara  
Hadis dan Al-Quran”  
Karangan Kassim Ahmad  
Keluaran Forum Iqra’ adalah  
diharamkan  
di Negeri Pulau Pinang

Firman Allah dalam surah al-Israk ayat 12 yang bermaksudnya “Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan manzilah-manzilah bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan ( waktu ). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda ( kebesaran-Nya ) kepada orang-orang yang mengetahui.’

perkataan ini dikaitkan dengan bulan atau al-qamar..


Kedua-duanya merupakan makhluk Allah yang mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan seharian. Firman Allah dalam surah Fussilat ayat 37 yang bermaksud “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam dan siang, serta matahari dan bulan dan (sebaliknya) hendaklah kamu sujud kepada Allah yang menjadikan mereka, kalau betullah kamu hanya menyembah dan beribadat kepada-Nya”.

Firman Allah dalam surah al-Israk ayat 12 yang bermaksudnya “Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan manzilah-manzilah bagi perjalanan bulan

itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan ( waktu ). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda ( kebesaran-Nya ) kepada orang-orang yang mengetahui.’

Surah ar-Rahman ayat 6-7 yang bermaksud “Matahari dan bulan beredar mengikut peraturan dan hitungan (yang tepatnya);Tumbuh-tumbuhan (ataupun bintang) dan pokok-pokok masing-masing tunduk sujud (menurut peraturannya)”.

Mari kita perhatikan dan renungkan sedalam-dalamnya maksud ayat-ayat yang disebutkan di atas. Menjelaskan kepada kita tentang kekuasaan dan kebesaran Allah. Dan antara tanda-tandanya ialah penciptaan matahari itu sendiri. Matahari yang bersinar dan memberi cahaya kepada manusia seterusnya memberikan tenaga kepada kita untuk terus hidup. Di akhirnya, Allah menyebutkan tentang peranan manusia untuk tunduk dan sujud hanya kepada Allah dan bukannya kepada makhlukciptaan-Nya. Ayat di atas juga menjelaskan kepada kita peranan matahari dalam menentukan waktu kepada umat manusia. Dengannya umat Islam menentukan waktu solat harian dan waktu-waktu ibadah. Peredaran dan pergerakannya yang menurut peraturan dan perintah Allah membolehkan hitungan dibuat dengan tepat. Menjadi kewajiban kepada umat Islam untuk mempelajari dan mendalami ilmu ini. Tanpanya bagaimana mungkin, kita dapat menunaikan ibadah kita dengan sempurna. Yang pasti, Allah telah memberikan kepada suatu nikmat yang



tidak terhingga untuk kita manfaatkan dan mengambil faedah dan pengajaran daripadanya.

Sumber.



1. Terjemahan Al-Quran.
2. [www.en.wikipedia.org/wiki](http://www.en.wikipedia.org/wiki)



# Matahari

## Nikmat yang Perlu disyukuri

oleh : Us. Hardi Bin Mohamad Sadali



Matahari merupakan bintang terdekat dengan bumi dengan jarak purata 149,680,000 kilometer (93,026,724 batu). Matahari dan sembilan buah planet membentuk sistem suria. Matahari mempunyai diameter 1,391,980 kilometer dengan suhu permukaan 5,500 °C dan suhu teras 15 juta °C. Matahari dikelaskan sebagai bintang kerdil jenis G. Cahaya daripada matahari memakan masa 8 minit untuk sampai ke bumi dan cahaya yang terang ini boleh mengakibatkan sesiapa yang memandang terus kepada matahari, menjadi buta.

Matahari merupakan satu bebola plasma dengan jisim sekitar 2 x 10<sup>30</sup> kg. Untuk terus bersinar, matahari, yang terdiri daripada gas panas menukar unsur hidrogen kepada helium melalui tindak balas gabungan nuklear pada kadar 600 juta tan, dengan itu kehilangan empat juta tan jisim setiap saat. Matahari dipercayai terbentuk pada 5,000 juta tahun lalu. Kepadatan jisim matahari adalah 1.41 berbanding jisim air. Jumlah tenaga matahari yang sampai ke permukaan bumi dikenali sebagai pemalar solar menyamai 1.37 kilowatt semeter persegi setiap saat.

Matahari berputar 25.04 hari bumi setiap putaran dan mempunyai graviti 27.9 kali graviti bumi. Terdapat julangan gas teramat panas yang boleh mencecah sehingga 100,000 kilometer

ke angkasa. Marakan matahari (sun flare) ini boleh mengganggu gelombang komunikasi seperti radio, tv dan radar di bumi dan mampu merosakkan satelit atau stesen angkasa yang tidak dilindungi. Matahari juga menghasilkan gelombang radio, gelombang ultra-ungu, sinar infra-merah, sinar-X, dan angin suria yang merebak keseluruhan sistem suria.

Bumi dilindungi daripada angin suria oleh medan magnet bumi, sementara lapisan ozon pula melindungi bumi daripada sinaran ultraungu dan inframerah. Terdapat tompokan hitam yang wujud dari masa ke semasa pada matahari yang disebabkan oleh perbezaan suhu di permukaan matahari. Tompokan hitam itu menandakan kawasan yang kurang panas berbanding kawasan lain dan mencecah keluasan melebihi saiz bumi. Kadang-kala peredaran bulan mengelilingi bumi menghalang sinaran matahari daripada sampai ke bumi, oleh itu mengakibatkan kejadian gerhana matahari berlaku.

Al-Quran sering menyebut perkataan matahari secara berulang-ulang. Sebanyak 33 kali perkataan ini diulang jelas menunjukkan pentingnya peranan yang dimainkan olehnya. Ayat yang jelas adalah merujuk kepada perkataan as-syams. Kebiasaannya



Al-Quran sering menyebut perkataan matahari secara berulang-ulang. Sebanyak 33 kali perkataan ini diulang jelas menunjukkan pentingnya peranan yang dimainkan olehnya

### Berita Bergambar 2006

Kelolaan : Us. Mohd Jais Anuar Bin Ahmad

#### Julai

### Konvensyen Falak Syari'e Selangor

15 Julai 2006, Bangi - Bahagian Falak Syari'e, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah menyertai pameran sempena Karnival Falak Selangor pada 15 Julai hingga 16 Julai 2006. Turut serta ialah



Unit Penyelidikan Ilmu Falak, Universiti Sains Malaysia. Sempena karnival tersebut, satu seminar berhubung isu-isu arah kiblat kontemporari telah diadakan di samping pameran dan pertandingan khat dan mewarna. Majlis perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Khir Bin Toyo, Menteri Besar Selangor.

### Bengkel Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja

21 Julai 2006, Laketown Services Apartment - Bengkel ini telah melibatkan semua kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Bengkel ini diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2006. Jabatan Mufti



Negeri Pulau Pinang telah menjemput Tn. Haji Kamaruddin sebagai penceramah dan fasilitator bagi menyediakan Dokumen manual prosedur kerja dan fail meja. Melalui bengkel ini, peserta telah didedahkan pelbagai maklumat

mengenai tatacara yang sistematik dan betul bagi menyediakan dokumen-dokumen berkenaan.

#### Ogos

### Persatuan Pelajar Islam, Sek Men Teknik Abd Rahman Putra Melawat Pusat Falak Sheikh Tahir

8 Ogos 2006, Balik Pulau - Persatuan Pelajar Islam, Sekolah Menengah Teknik Abdul Rahman Putra, Air Itam, Pulau Pinang telah mengadakan lawatan ke Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh, pada 8 Ogos 2006 lalu. Dalam lawatan itu seramai 40 orang pelajar serta 3 guru menyertai program yang dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Islam yang bertujuan untuk mengetahui lebih mendalam tentang fungsi Pusat Falak Sheikh Tahir. Jabatan Mufti Negeri P.Pinang dan Unit Penyelidikan Falak dan Sains Atmosfera, USM sebagai tuan rumah, hadir bagi memberi taklimat serta maklumat terkini pada pelajar tersebut. Dalam sesi ceramah yang disampaikan oleh saudara Mohd Azam Mat Noor yang bertajuk

" Kalendar Islam : Satu Evolusi " mendedahkan bahawa peranan kalendar yang digunakan oleh Astronomi di zaman Greek, zaman Othmaniyah hingga sekarang amatlah penting. Selain itu, aktiviti mencerap matahari dengan menggunakan teleskop yang disediakan



oleh Unit Penyelidikan Ilmu Falak, USM dan Unit Falak, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

### Sambutan hari kemerdekaan

31 Ogos 2006, Balik Pulau - Sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Pulau Pinang telah diadakan di Balik Pulau. Sempena sambutan yang bersejarah

ini, Jabatan Mufti telah mengambil bahagian di dalam perarakan hari kemerdekaan bersama-sama agensi-agensi agama Islam yang lain.

#### September

### Kursus Pengurusan Jenazah

2 September 2006, Pulau Pinang - Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Persatuan Pelajar Maahad Tahfiz wal-Qiraat telah mengadakan kursus pengurusan jenazah. Kursus ini telah melibatkan para pelajar kolej berkenaan yang berminat. Disamping itu, kursus ini juga turut disertai oleh peserta-peserta dari



qaryah di sekitar daerah Timur Laut. Antara penceramah dan fasilitator yang dijemput adalah seperti Y.Bhg. Tuan Haji Rafor Bin Mahmud, Y.Bhg. Tuan Haji Yusuf Bin Abd. Rahim dan Y.Bhg. Ustazah Normiza. Pelbagai aktiviti telah disusun bagi menjayakan kursus ini merangkumi sesi ceramah dan praktikal bagi menguruskan jenazah.

### Sesi Penerangan Isu-isu yang berkaitan dengan akidah

8 September 2006, Bukit Mertajam - Jabatan Mufti Negeri dengan Pejabat Agama Daerah Bukit Mertajam telah menganjurkan sesi penerangan Isu-isu yang berkaitan di Dewan Orang Ramai, Bukit Inderamuda. Taklimat berkenaan perkara tersebut telah disampaikan oleh



Y.B Ustaz Shahbudin Bin Yahya. Antara yang turut hadir dalam majlis tersebut adalah YB. Dato' Abdul Jalil bin Abdul Majid, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Penanti.

## Cerapan Gerhana Bulan Separa

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang bersama-sama Unit Penyelidikan Ilmu Falak Dan Sains Atmosfera berserta ahli-ahli astronomi amat telah mengadakan satu cerapan gerhana bulan separa di



Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang. Program bermula selepas Maghrib dengan bacaan Yasin sempena malam Nisfu Syaaban. Kemudian para peserta melakukan persiapan dengan memeriksa segala peralatan cerapan agar tiada gangguan semasa fenomena gerhana berlaku. Gerhana Bulan Separa dapat dilihat dengan jelas bermula jam 02:05 pagi dan mencapai kemuncaknya



sekitar jam 02:50 pagi. Cerapan berakhir pada jam 04:00 pagi. Peralatan yang digunakan ialah Teleskop jenis Maksutov Cassegrain dan Video Camera jenis Canon.

## Diskusi Penghayatan Ramadhan 1427H

**Siri 1**  
6 September 2006, Juru – Majlis ilmu ini telah diadakan dengan hasil kerjasama jawatankuasa Qaryah Masjid Kampung Sekolah, Juru. Program Diskusi ini adalah kesinambungan program yang telah diadakan pada tahun lepas yang

telah diadakan di tempat lain. Pada kali ini, diskusi mengenai tajuk "Ramadhan membentuk peribadi unggul" sebagai persediaan awal untuk menyambut kedatangan bulan Ramadhan al-Mubarak 1427H. Bagi membincangkan tajuk ini, pihak penganjur telah menjemput ahli-ahli panel, antaranya adalah Y.Bhg. Tuan Haji Rosli Bin Othman dari Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang dan Y.Bhg. Tuan Sheikh Shuhaimi Bin Salleh dari Pejabat Agama Daerah Kuala Muda serta telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tuan Haji Yusuff Bin Ahmad.

### Siri II

13 September 2006, Tasek Gelugor – Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Jawatankuasa Qaryah Masjid Pokok Machang telah menganjurkan Diskusi Penghayatan Ramadhan 1427H siri II. Di dalam siri ini, pihak penganjur telah menjemput Y.Bhg. Tuan Haji Roslan Bin Che Rus dari Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan serta Y.Bhg. Ustaz Mohammad Isa Bin Abdul Rahman dari Jabatan Mufti Negeri Kedah untuk membincangkan hal ehwal yang berkaitan dengan bulan Ramadhan.

### Siri III

18 September 2006, Sungai Bakap – Diskusi Penghayatan Ramadhan siri III diadakan bersama-sama Jawatankuasa Qaryah Masjid Baru Sungai Bakap yang telah membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bulan Ramadhan terutamanya ibadah puasa. Diskusi ini telah menampilkan ahli-ahli panel yang lalu seperti Y.Bhg. Tuan Haji Roslan Bin Che Rus dan Y.Bhg. Mohammad Isa Bin Abdul Rahman serta dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tuan Haji Yusuf Bin Ahmad dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

### Siri IV

19 September 2006, Balik Pulau – Diskusi siri ke-IV ini telah diadakan di Masjid Permatang Pasir, Balik Pulau. Diskusi ini juga membincangkan sepertimana tajuk-tajuk yang lepas dimana ia menjurus kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Bulan Ramadhan al-Mubarak dan menampilkan ahli-ahli panel yang lepas.

## Forum Perdana Ehwal Islam

15 September 2006, Kepala Batas – Kehadiran T.Y.T Yang diPertua Negeri Pulau Pinang dan Y.A Berbahagia Toh Puan serta beberapa tetamu jemputan yang lain dalam Forum Perdana Ehwal Islam memeriahkan lagi suasana majlis tersebut. Program ini telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat Daerah



Seberang Perai Utara, Pejabat Agama Kepala Batas dan Jawatankuasa Qaryah Masjid Permatang Rambai. Forum ini telah menampilkan ahli-ahli panel seperti Y.B Dato' Mashitah Binti Ibrahim, Y.B Shabuddin Bin Yahya dan Y.Bhg. Tn. Haji Pirdaus Bin Ismail. Majlis dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tn. Haji Yusuff Bin Ahmad. Pihak penganjur telah memilih tajuk "kasih disemai, sayang dituai" untuk dibicarakan dalam forum ini. Sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat amat menggalakkan walaupun hujan renyai-renyai turun.

## Pusat Falak Sheikh Tahir Terima Tetamu Cilik

21 September 2006, Balik Pulau - Pelajar dari Sekolah Rendah Padang Menor telah membuat lawatan sambil belajar ke Pusat Falak Sheikh Tahir di Pantai Aceh. Seramai 80 orang murid serta 6 guru pengiring menyertai lawatan singkat ini. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah bagi mengetahui fungsi Pusat Falak Sheikh Tahir. Satu sesi taklimat mengenai pusat falak telah



disampaikan oleh Pegawai bahagian Unit Falak Syarie & Sumber Maklumat selama 2 jam di ruang legar Galeri Pusat Falak Sheikh Tahir. Dalam sesi tersebut juga, diterangkan fungsi dan objektif Penubuhan Pusat Falak tersebut.

Allahyarham haji Abdul Hadi. Tidak berapa lama kemudiannya, isteri beliau telah meninggalkan dunia ketika masih dalam ihram sebelum sempat beliau menunaikan fardhu haji. Dua tahun selepas kematian isterinya yang pertama, beliau telah mendirikan rumahtangga buat kali yang kedua dengan Hajjah Zaharah Bt Haji Ahmad. Pentadbiran Madrasah Masyriyah telah diserahkan kepada menantu bongsunya, Tuan Guru haji Ahmad Fuad.

Menantu-menantu Tuan Guru Haji Mohammad Salleh telah mendahului beliau pulang ke rahmatullah. Semua jenazah mereka telah diuruskan sendiri oleh beliau. Pada penghujung Mei tahun 1971, Tuan Haji Mohammad Salleh telah berangkat ke Mekah bersama-sama dengan isteri dan cicitnya. Keberangkatan beliau ke Mekah telah disiarkan diakhbar. Sebelum berangkat ke Mekah, beliau telah menerima kunjungan daripada segenap pelusuk tanah air. Setelah sepuluh hari berada di tanah Suci, beliau telah diserang penyakit (dalam perut). Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 11 Jun 1971 disisi isteri dan cicitnya serta dikebumikan di perkuburan al-Maala.

\* dipetik dari Sumber Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang



PARA USTAZ YANG BERGAMBAR DI AL MASRIYAH. ADA DI ANTARANYA KINI BERTUGAS SEBAGAI MUFTI SELANGOR, USTAZ ISHAK BAHAROM (NO ENAM DARI KIRI) DAN PENGETUA TARBIAH DI KULIM, KEDAH IAITU USTAZ ASRI (NO TUJUH DARI KIRI)



## TUAN GURU HAJI MOHAMMED SALLEH AL-MASRY PENGASAS MADRASAH AL-MASYRIYAH, BUKIT MERTAJAM

..putera Melayu yang ulung melanjutkan pengajiannya ke Universiti al-Azhar di Mesir pada tahun 1899

Kelolaan: Ust. Azwati Binti Zainol Abidin

Tuan Guru Mohammed Salleh berasal dari Rasah, Negeri Sembilan dan dilahirkan pada tahun 1875. ayahnya Baki bin Lundang dan ibunya Mariah bt. Mohammed Ali beliau merupakan anak bongsu diantara tiga beradik. Berpendidikan tiga tahun di Sekolah Kebangsaan Bukit Nenas, Seremban dan kemudiannya melanjutkan pengajiannya ke Bersilam, Langkat di Sumatera di atas minatnya yang amat sangat di dalam bidang agama.

Beliau menuntut di sana dengan bertemankan dua orang sepupunya iaitu, Abdul Rahman dan Yaacub Mohammed Ali Hanifah. Mereka telah berguru dengan Tuan Syekh Abdul Wahab. Setelah beberapa tahun menuntut di

sana, beliau pun pulang dengan gelaran Fakeh Mohammed Saleh. Kemudian beliau pula meneruskan pegajiannya dengan Tuan guru Haji Minal (Tuan Guru Haji Zainal Abidin Pattani) di sungai Dua, Butterworth dan kemudiannya berpindah pula ke Padang Lalang, Bukit Mertajam dan berguru pula dengan Tuan Guru Imam Haji Ahmad.

Di atas keazaman dan dorongan Tuan Guru haji Imam Ahmad, Fakeh Mohammed Saleh mencatat sejarah putera Melayu yang ulung melanjutkan pengajiannya ke Universiti al-Azhar di Mesir pada tahun 1899 dengan menggunakan Passport ( Penang ) Pulau Pinang. Setibanya di sana beliau telah ditangkap oleh pihak berkuasa Mesir yang telah menganggapnya sebagai pengintip Turki kerana wajahnya yang mirip rakyat Turki. Sewaktu itu, Mesir dan Turki dalam berkonfransi, tetapi selepas itu beliau di bebaskan.

Sewaktu menuntut di Mesir, beliau telah menempuh berbagai-bagai penderitaan terutama tentang berita kematian ayahandanya. Sumber kewangan bagi membiayai pengajiannya telah terputus akibat kematian ayahandanya itu. Dengan perasaan yang berbelah bahagi, beliau telah mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air. Tetapi hasrat tersebut tergendala apabila seorang hartawan dari Bukit Mertajam telah sanggup membiayai pengajiannya setelah mengetahui akan penderitaannya di Mesir. Beliau ialah Tuan Haji Abbas yang kemudiannya

telah menjadi bapa mertua kepada Mohammed Salleh.

Akhirnya beliau telah berjaya memperolehi ijazah B.A Hons pada tahun 1905. setelah pulang ke tanah air, beliau telah melangsungkan perkahwinan dengan Hajjah Saadiyah Binti Haji Abbas dan telah dikurniakan 7 orang cahaya mata. Pada tahun 1906, Tuan Haji Abbas ( mertua kepada Haji Mohammad salleh ) telah mewakafkan sebidang tanahnya untuk dijadikan tapak pembinaan sebuah madrasah. Di madrasah tersebutlah Tuan Guru Haji Mohammed Salleh telah mencurahkan segala ilmu pengetahuannya kepada masyarakat di sekitar Bukit Mertajam. Pelbagai cabaran telah dihadapi oleh beliau semasa diperingkat pemulaan penubuhan madrasah tersebut. Namun begitu, segala cabaran tersebut telah dapat diatasi dengan penuh kesabaran. Berkat kesabaran dan kegigihannya itu, Madrasah Masyriyah telah berkembang semakin pesat dengan pertambahan bilangan murid yang datang dari Thailand, Indonesia, Singapura, Brunei, Kemboja, Laos dan segenap pelusuk tanah Melayu. Pada ketika itu, Madrasah ini telah ditadbir oleh beliau bersama-sama dengan dua orang menantunya iaitu Tuan Sheikh Ahmad Saad al-Masry dan Tuan Haji Osman Muhammad.

Pada Tahun 1950, Tuan Haji Mohammad salleh bersama-sama isterinya telah berangkat ke Tanah Suci Mekah untuk menunaikan fardhu Haji serta menziarahi pusara anaknya iaitu



Tn. Hj. Zulkamal B. Abdullah  
Pengetua Sekarang


Antaranya memenuhi keperluan saintifik dalam bidang falak (Astronomi ) serta menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan dalam bidang yang berkaitan. Dalam sesi tersebut juga, para pelajar di dedahkan secara ringkas berkaitan dengan ilmu falak seperti penentuan arah qiblat menggunakan beberapa kaedah yang digunakan oleh ulama terdahulu. Satu tayangan video yang memaparkan penjelajahan ke Planet Marikh dipertontonkan kepada pelajar serta guru. Para Pelajar juga dibawa ke dataran Al -Farghani yang mana dataran ini terletak di anjung bangunan. Di sini pelajar diterangkan tentang fungsi dan kelengkapan yang sedia ada. Antaranya Teleskop yang bersaiz 12 inci yang canggih serta stesen melihat Anak Bulan yang menghadap ke Selat Melaka.

### Cerapan Hilal Awal Ramadhan 1427H

22 September 2006, Balik Pulau - Cerapan Hilal bagi menentukan tarikh bermulanya 1 Ramadhan telah dilakukan di tapak cerapan rasmi iaitu di Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh Pulau Pinang. Cerapan pada kali ini telah diketuai oleh Y.A.A. Dato' Haji Yusop Bin Che Teh, Ketua Hakim Syar'ie Negeri Pulau Pinang bersama-sama Ahli Jawatankuasa Rukyah yang lain. Berdasarkan data cerapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Pulau Pinang, ijtimak berlaku pada jam 19:45 malam, 22 September 2006. Matahari dijangka terbenam pada jam 7:15 malam, manakala bulan dijangka terbenam pada jam 7:10 petang.

#### Sinopsis Posisi Bulan Dan Matahari (Ketika Matahari Terbenam) pada 22-September-2006

1. Tarikh & Waktu Ijtimak	: 22-Sept-2006
2. Waktu Matahari Terbenam	: 19:15
3. Waktu Bulan Terbenam	: 19:10
4. Azimut Matahari Terbenam	: 270° 20' 37"
5. Azimut Bulan	: 270° 09' 04'
6. Altitud Bulan	: -01° 15'
7. Jarak Lengkung, bulan-matahari	: 01° 05'
8. Umur bulan	: Belum lahir
9. Nuur hilal (peratus cahaya)	: %
10. Susulan lama atas ufuk	: Tiada atas ufuk



### Seminar Pemurnian Akidah

23 September 2006, Nibong Tebal – Seminar Pemurnian akidah adalah sesi penerangan isu-isu akidah yang telah dirancang oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada tahun ini. Sehubungan dengan itu, jabatan ini telah bekerjasama dengan Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan bagi menjayakan seminar yang julung-julung kali diadakan ini. Antara penceramah yang dijemput seperti Y.Bhg Tuan Haji Yusuff Bin Ahmad dan Prof. Madya Idris Bin Zakaria, Universiti Kebangsaan Malaysia. Majlis ini dimulakan dengan tazkirah Ramadhan kemudian Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B Dato' seri Abdul Rashid Bin Abdullah, Timbalan Ketua Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan negeri Pulau Pinang.

#### Oktober

### Cerapan Hilal Awal Syawal 1427H

Cerapan Hilal bagi menentukan tarikh bermulanya Hari Raya Puasa telah dilakukan di tapak cerapan rasmi Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh Pulau Pinang. Cerapan pada kali ini telah diketuai sendiri oleh S.S. Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad, Mufti

#### Sinopsis Posisi Bulan Dan Matahari (Ketika Matahari Terbenam) pada 22-Oktober-2006

1. Tarikh & Waktu Ijtimak	: 22-Okt-2006
2. Waktu Matahari Terbenam	: 19:03
3. Waktu Bulan Terbenam	: 19:03
4. Azimut Matahari Terbenam	: 254° 59' 34"
5. Azimut Bulan	: 258° 56' 51"
6. Altitud Bulan	: -00° 08'
7. Jarak Lengkung, bulan-matahari	: 03° 50'
8. Umur bulan	: 5jam 49min
9. Nuur hilal (peratus cahaya)	: %
10. Susulan lama atas ufuk	: Tiada atas ufuk



Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Ahli Jawatankuasa Rukyah yang lain. Berdasarkan data cerapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Pulau Pinang, ijtimak berlaku pada jam 13:14 malam, 22 Oktober 2006. Matahari dan bulan dijangka terbenam secara bersama pada jam 7:03 malam. Walau bagaimana pun, cerapan tidak dapat dilakukan berikutan hujan lebat di tapak cerapan. Pengerusi setelah berbincang dengan ahli-ahli jawatankuasa rukyah yang lain memutuskan anak bulan Syawal tidak kelihatan.

## Ekspo Kesenian Dan Kebudayaan Islam 2006



18 – 19 November 2006, Kepala Batas – TYT yang diPertua Negeri Pulau Pinang telah berkenan untuk merasmikan Ekspo Kesenian dan Kebudayaan Islam, peringkat Negeri Pulau Pinang 2006 pada 18 November 2006 di Dewan Milenium, Kepala Batas. Majlis Perasmian tersebut, turut dihadiri oleh Y.B Dato' Seri Haji Abdul Rashid Bin Abdullah, Timbalan Ketua Menteri serta Y.B Ir Mansor Bin Musa

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Ekspo Kesenian dan Kebudayaan Islam 2006 dan beberapa tetamu-tetamu jemputan yang lain. Dalam Majlis itu, Pengerusi Jawatankuasa Induk Ekspo pada kali di dalam ucapannya, telah menerangkan bahawa penganjuran program seperti ini adalah untuk memberi gambaran sebenar kepada masyarakat tentang bentuk hiburan yang selari dengan kehendak syarak. Sempena program ini, beberapa agensi kerajaan dan swasta telah mengambil bahagian dalam pameran antaranya seperti Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Muzium Islam, Muzium dan Galeri USM, Arkib Negara, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Pusat Urus Zakat MAINPP, Tabung Haji, Bank Islam, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Majlis Pengetua Sekolah-sekolah Agama dan lain-lain lagi.



Program ini telah diadakan selama 2 hari, dimana sepanjang Ekspo ini berlangsung telah diisi dengan pelbagai acara termasuk pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan seni khat dan pertandingan Nasyid Sekolah-sekolah menengah. Sementara itu, Malam kesenian Islam telah menampilkan Kumpulan Nasyid UNIC, MESTICA dan Shuhaimi serta kumpulan boria, Marhaban dan Berzanji.

## Hari Terbuka Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh




22 November 2006, Balik Pulau – Hari terbuka Pusat Falak Sheikh Tahir adalah program yang julung-julung kali diadakan oleh Jabatan ini ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh YB Dato' Haji Yahaya Bin Abdul Hamid, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Program ini berlangsung sehari bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 malam. Pelbagai acara-acara menarik telah disusun, antaranya seperti ceramah perdana oleh Y.Bhg. Dato' Dzulkefli Bin Abdul Razak, Naib Canselor USM. Selepas itu, ceramah telah disampaikan

oleh En. Baharuddin Bin Zainal, UPM. Selain itu, cerapan matahari, cerapan hilal zulkaedah, pertunjukan 'water roket' telah diadakan di dataran farghani pada hari tersebut. Bagi memeriahkan lagi program tersebut, hadiah-hadiah turut disediakan untuk pengunjung-pengunjung yang bertuah.

## Seminar Ancaman Zionisme Dan Islam Liberal Terhadap Islam Dan Umatnya Di Malaysia

25 November 2006, Kepala Batas – Seminar Ancaman Zionisme dan Islam Liberal adalah merupakan siri taklimat mengenai isu-isu Akidah yang dianjurkan Jabatan



ini dengan kerjasama beberapa agensi dan pertubuhan NGO seperti Haluan Malaysia. Seminar ini telah

dirasmikan oleh YB Shahbuddin Bin Yahya selaku YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Beberapa pembentangan kertas kerja telah disampaikan oleh Dr. Ugi Suharto, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ustaz Darus Bin Sanawi dari Haluan Malaysia. Seminar ini telah berjaya menarik ramai peserta dikalangan kakitangan awam serta orang ramai.

## Lawatan Kerja Ke Terengganu Dan Kelantan

4 November 2006 ( Sabtu ) - Jabatan ini telah mengadakan lawatan kerja ke Terengganu dan Kelantan bermula pada 4 hingga 6 November 2006. Lawatan kerja ini merangkumi lawatan ke Jabatan Mufti Negeri Terengganu, Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Terengganu,



Balai Cerap KUSZA dan Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Lawatan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dengan beberapa agensi-agensinya yang terlibat disamping dapat berkongsi pelbagai maklumat serta info untuk memantapkan lagi Jabatan ini, agar sebaris serta setanding dengan Jabatan-jabatan yang lain.



leka dengan segala macam hawa nafsu, tenggelam dalam dunia keseronokan dan sebagainya lagi. Ini tidak lain dari sikap alpa dan terpedaya dengan kehidupan yang bersifat sementara. Sedangkan Allah S.W.T telah mengingatkan kita melalui firmanNya terhadap Ahli Kitab yang bermaksud:

*"Katakanlah! Hai Ahli Kitab, janganlah kamu melampau dengan cara tidak benar dalam agama. Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat dahulunya dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia) dan mereka tersesat dari jalan yang lurus." (al Maidah: 77).*

## KITA PERLU BIJAKSANA DALAM MENGURUSKAN KEHIDUPAN



Kehidupan kita hari ini lebih terdorong kepada suka melayani perasaan sendiri. Tergoda dengan kehendak hawa nafsu, umur yang sedikit habis dengan memikirkan bagaimana untuk mencari keseronokan serta terlalu ghairah dengan kemewahan. Sepatutnya kita berusaha an berletih di dalam mengejar kebaikan sepertimana diingatkan oleh Baginda Rasulullah saw di dalam sabdanya yang bermaksud:

*"Barangsiapa keletihannya kepada kesederhanaan, maka sebaik-baiknya dia dan barangsiapa keletihannya kepada maksiat, maka rosak binasalah dia." (al Tabrani).*

Jarang kita berjumpa dengan seseorang yang suka bersyukur dengan apa yang ada, bersederhana di dalam mengejar keduniaan tetapi bersikap prihatin terhadap kehidupan selepas mati. Islam adalah manhaj yang sederhana pada setiap perkara; pada pandangan dan iktikad, pada ibadat dan cara mengerjakannya, pada akhlak dan cara hidup, pada mu'amalah dan perundangan. Firman Allah swt yang bermaksud:

*"Dan demikianlah Kami telah menjadikan*

*kamu (umat Islam) umat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia." (al Baqarah: 143).*

Ukuran bijaksana seseorang apabila ia dapat memilih antara kaca dengan permata, antara palsu dengan tulin, antara benar dengan batil, antara cahaya dengan kegelapan dan seterusnya.

Inilah yang diamalkan oleh golongan umat Islam terdahulu. Mereka begitu berjaya di dalam mengatur urusan hidup, sentiasa tenang dan berwaspada dalam kehidupan dan yang lebih penting umur mereka panjang, produktif dalam membudayakan pencarian ilmu serta suka mencari kebenaran. Moga kita dijauhkan daripada golongan umat yang sombong dan ingkar untuk tidak mengambil pengajaran dari sejarah silam yang digambarkan oleh Allah swt melalui firmanNya yang bermaksud:

*"Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan sekuat-kuat sumpah; bahawa sesungguhnya jika datang kepada mereka seorang pemberi peringatan, nescaya mereka akan lebih mendapat pertunjuk dari salah satu umat-umat (yang lain). Tetapi ketika datang kepada mereka pemberi peringatan, maka kedatangannya itu tidak menambah kepada mereka, kecuali jauhnya mereka dari (kebenaran). Kerana kesombongan (mereka) di muka bumi dan rencana (mereka) yang jahat. Rencana yang jahat itu tidak akan menimpa selain kepada yang empunya sendiri. Tiadalah yang mereka nanti-nantikan melainkan (berlakunya) sunnah Allah (yang telah berlaku) kepada orang-orang yang terdahulu. Maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penggantian bagi sunnah Allah, dan sekali-kali tidak akan mendapat pemindahan bagi sunnah Allah itu. (Faathir: 42-43).*

Sejarah sebenarnya adalah pengajaran bagi umat yang mempunyai daya pemikiran yang matang dan bijaksana. Ada pun umat yang mengalpakkan sejarahnya adalah laksana seseorang yang menghilangkan pelajarannya, hidup tanpa masa lalu yang dapat dijadikan asas untuk membina masa depannya, iaitu manusia yang telah terputus akar kehidupannya, yang patut diratapi keadaan nasibnya, yang sebenarnya sangat berhajat kepada usaha mengubatinya. Sejarah adalah cermin perbandingan yang

*" Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah Allah. Kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikan bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (Rasul-Rasul). (Ali Imran: 137.)*

memperlihatkan dengan jelas sunnah Allah yang berlaku pada alam ini seluruhnya, khasnya kepada masyarakat manusia. Oleh yang demikian al Quran memandang berat dengannya supaya diperhatikan, dengan mendesak manusia supaya mempergunakan akalannya memikirkan sunnah Allah ini bagi mengambil manfaat untuk menghadapi tugas-tugas dan kerjanya. Anjuran ini dapat dianalisa melalui firman Allah swt yang bermaksud:

*" Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah Allah. Kerana itu berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikan bagaimana akibat orang-orang yang mendustakan (Rasul-Rasul). (Ali Imran: 137.)*

Oleh itu kita sebagai individu di dalam masyarakat perlu peka dan sedar terhadap perkembangan hari ini supaya tidak terbawa dengan arus kemajuan yang boleh merosakkan kita. Kehidupan kita harus berteraskan kepada sumber rujukan yang berautoriti dan sehaluan dengan pandangan dan pemikiran umat yang terdahulu khususnya golongan umat kurun awal Islam, Insyallah kita akan selamat. Wallahu'alam.



## SIKAP ALPA UMAT ISLAM PENYEBAB KEPADA PERMASALAHAN HIDUP

oleh : Tn. Haji Ghazali Bin Haji Saad

Setiap hari kita ditimpakan dengan berbagai masalah dan isu yang sedikit sebanyak menyebabkan suasana kegelisahan dan ketidaktertaman. Ini semua berpunca daripada kelemahan dan kejahilan umat Islam itu sendiri untuk mendepani suasana yang berlaku. Umat Islam sewajarnya mempunyai sikap yang bijaksana, penuh dengan ilmu pengetahuan, kepakarandan pekakepada perkembangan semasa. Sehubungan dengan itu prasarana yang ada di Malaysia sebenarnya sudah lengkap untuk dimanfaatkan oleh umat Islam. Kita sudah ada agensi-agensi yang boleh membantu kita untuk menyelesaikan apa juga masalah yang melanda, kalau di dalam bidang pertanian kita sudah ada pakar yang boleh memberi bimbingan dan tunjuk ajar untuk memajukan bidang pertanian, kalau di dalam bidang perubatan kita sudah ada pakar-pakar yang boleh mengubati apa juga penyakit yang dihadapi, di dalam bidang teknologi juga kita masih boleh berbangga dengan kemajuan yang dicapai berbanding dengan negara-negara maju yang lain dan begitulah seterusnya. Tetapi apabila kita bercakap soal agama mengapa kita hilang arah ke mana seharusnya dijadikan rujukan. Kita masih meraba di dalam kegelapan. Arah tuju tidak tepat, bersimpang siur dengan kesesatan dan kecelaruan pemikiran. Sedangkan soal agama sudah cukup lengkap seperti yang ditegaskan oleh Allah swt di dalam al Quran.

Pokok pangkalnya kita kadang-kadang bertitik tolak dengan perasaan, emosi dan nafsu yang tidak merasa senang untuk menerima pakai apa yang telah diajarkan oleh umat yang terdahulu. Persepsi kita cuba diragukan dengan tanggapan yang umat Islam terdahulu tidak warak dan golojoh di dalam membuat sesuatu keputusan.



*Sejarah sebenarnya adalah pengajaran bagi umat yang mempunyai daya pemikiran yang matang dan bijaksana. Ada pun umat yang mengalpakan sejarahnya adalah laksana seseorang yang menghilangkan pelajarannya, hidup tanpa masa lalu yang dapat dijadikan asas untuk membina masa depannya.*

*Sejarah adalah cermin perbandingan yang memperlihatkan dengan jelas sunnah Allah yang berlaku pada alam ini seluruhnya, khasnya kepada masyarakat manusia.*

### RUANGKAN MASA UNTUK AGAMA

Berapa ramai umat Islam menyediakan masa untuk pengisian hal-hal yang berkaitan dengan agama. Cukupkah dengan hanya untuk sembahyang lima waktu tanpa disusuli dengan soal peningkatan ilmu pengetahuan. Sedangkan kita cukup banyak memberikan ruang untuk aktiviti-aktiviti yang lain seperti menonton tv, bersembang, melepak dan sebagainya. Kita perlumemanfaatmasayangterluang untuk kehidupan duniawi dan ukhrawi. Inilah sikap yang ada kepada Baginda Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya yang tidak tidur lena di malam hari dan membanting tulang di siang hari sematamata ingin mendapat keredhaan Allah S.W.T. Ini adalah sikap prihatin mereka di dalam memenuhi seluruh potensi hidup bagi mengejar kelebihan yang dianugerahkan oleh Illahi semasa hidup di dunia. Kejayaan di dunia dengan tidak membelakangkan persediaan untuk hidup di akhirat sebenarnya suatu kemenangan yang hakiki. Keadaan ini berbeza jauh dengan kehidupan kita hari ini yang suka membuang masa,


## Cerapan Awal Zulhijjah 1427h

Cerapan Hilal bagi menentukan tarikh bermulanya 1 Zulhijjah dan seterusnya menentukan 10 Zulhijjah iaitu Hari Raya Korban telah dilakukan di tapak cerapan rasmi Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Acheh Pulau Pinang. Cerapan pada kali ini telah diketuai oleh Y.A.A. Dato' Haji Yusop Bin Che Teh, Ketua Hakim

Syar'ie Negeri Pulau Pinang bersama-sama Ahli Jawatankuasa Rukyah yang lain. Berdasarkan data cerapan yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Pulau Pinang, ijtimak berlaku pada jam 22:01 malam, 20 Disember 2006. Matahari dijangka terbenam pada jam 19:11 manakala bulan dijangka terbenam pada jam 18:57 petang. Oleh itu, berdasarkan data cerapan, hilal dijangka tidak kelihatan selepas matahari terbenam kerana hilal terbenam dahulu daripada matahari. AJK Rukyah Negeri telah mengesahkan data tersebut melalui cerapan yang dibuat. Pada kali ini juga, pihak Jabatan Mufti menerima lawatan daripada HALUAN iaitu Himpunan Siswazah Lepas Universiti Se-Malaysia yang bersama-sama melalui pengalaman rukyah hilal.

### Sinopsis Posisi Bulan Dan Matahari (Ketika Matahari Terbenam) pada 20-Disember-2006

1. Tarikh & Waktu Ijtimak	: 20-Dis-2006
2. Waktu Matahari Terbenam	: 19:11
3. Waktu Bulan Terbenam	: 18:57
4. Azimut Matahari Terbenam	: 246° 32' 35"
5. Azimut Bulan	: 241° 45' 34"
6. Altitud Bulan	: -03° 30'
7. Jarak Lengkung, bulan-matahari	: 05° 29'
8. Umur bulan	: Belum lahir
9. Nuur hilal (peratus cahaya)	: %
10. Susulan lama atas ufuk	: Tiada atas ufuk



### Pertukaran Kakitangan

En. Abdul Nasir Bin Idris, Pembantu Am Rendah N1 telah dinaikan pangkat ke Penghantar Notis N3 yang berkuatkuasa pada 20 November 2006. Beliau telah bertukar ke Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang setelah 9 tahun berkhidmat di Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Pihak jabatan merakamkan jutaan terima kasih dan selamat maju jaya kepada beliau sepanjang bertugas di jabatan ini. Sementara itu, Jabatan ini telah menerima 2 orang kakitangan baru, iaitu Puan Hafidah Binti Hashim (Pembantu Tadbir N17) dan En. Hafiz Bin Abu Bakar (Pembantu Am Rendah N1) bagi menggantikan En. Abdul Nasir Bin Idris yang telah bertukar. Semoga kehadiran mereka dapat membantu meningkatkan lagi mutu serta kecekapan Jabatan ini.



### Kakitangan Mendapat Cahaya Mata

Jabatan ini mengucapkan tahniah kepada 2 orang kakitangan iaitu Ustazah Azwati Binti Zainol Abidin, Pn. Siti Hernani Binti Yusuf dan Us. Anuar Bin Arifin yang telah dikurniakan cahaya mata sulung.



### Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005

Jabatan ini merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Puan Zaiton Bt. Makhan Din (Pembantu Tadbir N22) dan Us Shukri Bin Hashim (Pembantu Hal Ehwal Islam S17) atas anugerah perkhidmatan cemerlang yang disampaikan oleh Y.A.B Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bengkel Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang diadakan untuk kakitangan telah dirasmikan oleh Tn. Haji Ghazali Bin Haji Saad, Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang



Persembahan dari Sekolah Menengah Permatang Tok Jaya yang menjadi johan pertandingan Nasyid Sekolah-sekolah menengah Pulau Pinang sempena Ekspo Kesenian dan Kebudayaan Islam 2006



Y.B Dato' Yahya Bin Abdul Hamid bersama-sama tetamu-tetamu jemputan yang lain ketika merasmikan Hari Terbuka Pusat Falak Sheikh Tahir



Pengerusi serta Ahli Panel Bagi program Diskusi Penghayatan Ramadhan 1427H



Tuan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, T.Y.T Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas menandatangani buku pelawat sempena Majlis perasmian Ekspo Kesenian dan Kebudayaan Islam 2006



Bergambar kenangan bersama-sama kakitangan Jabatan Mufti Negeri Terengganu sempena lawatan ke Jabatan tersebut pada 5 November 2006



Majlis Forum Perdana Ehwah Islam yang membariskan ahli panel iaitu Y.B Datuk Dr. Mashitah Ibrahim, Y.B Shabuddin Bin Yahya dan Datuk Pirdaus Bin Ismail serta dipengerusikan oleh Us. Yusuf Bin Ahmad



Timbalan Mufti sedang menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada Y.B Dato' Yahya Bin Abdul Hamid selepas upacara perasmian Hari Terbuka Pusat Falak



S.S Dato' Haji Hassan Bin Haji Ahmad bersama S.S Dato' Haji Hasbullah Bin Mohd. Hassan semasa lawatan kerja ke Jabatan Mufti Negeri Kelantan pada bulan November 2006 yang lalu



Tn. Haji Yusuf Bin Rahim sedang menyampaikan ceramah di dalam kursus pengurusan Jenazah di Masjid Negeri Pulau Pinang



T.Y.T Yang diPertua Negeri Pulau Pinang menerima cenderahati dari Bank Islam yang turut menyertai pameran sempena Ekspo Kesenian dan Kebudayaan Islam 2006



Y.A.A Dato' Md. Yusof Bin Che Teh mengumumkan kenampakan cerapan hلال Zulhijjah 1427H

